

# **CUACA BURUK TIDAK MENGHALANG PENERBANGAN MISI BANTUAN PESAWAT C130H TUDM**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3975-cuaca-buruk-tidak-menghalang-penerbangan-misi-bantuan-pesawat-c130h-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3975-cuaca-buruk-tidak-menghalang-penerbangan-misi-bantuan-pesawat-c130h-tudm)

INDONESIA, 8 Okt 18 - Pesawat C130H milik TUDM hari ini meneruskan misi HADR dengan penerbangan ketiga ke Palu, Sulawesi. Walaupun dalam keadaan cuaca yang kurang baik, namun pesawat C130 TUDM selamat mendarat di Lapangan Terbang Mutiara Sis Al Jufri di Palu, Sulawesi dengan membawa barang-barang keperluan melebihi 4 tan berupa beras, air mineral, pampers, pakaian dan makanan bagi kegunaan mangsa-mangsa bencana dan petugas di Palu.

Juruterbang pesawat iaitu Mej Izwan TUDM dan dibantu oleh Mej Julian TUDM bersama lagi 7 anak kapal, 8 krew teknikal serta 6 tim MAMS melakukan penerbangan pergi dan balik melalui Balikpapan.

Syabas diucapkan kepada kesemua petugas-petugas TUDM yang terlibat .



